



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA


BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2022



ISI KANDUNGAN



- TAMAN WARISAN PERTANIAN DIBERI NAFAS BAHARU	3
- UNIT BERKUDA PPJ SIMBOL KEMEGAHAN PUTRAJAYA	5
- PERTANDINGAN TIK TOK, BENDERA MERIAHKAN PUTRAJAYA	6
- PPJ TERIMA PENGIFTIRAFAN KEDUA DARI MBOR	7
- SISIRAN FLORIA KEMBALI MERIAH	8
- BAZAR KEBUN KOMUNITI BANDAR DITERUSKAN, BERSKALA BESAR	9
- PPJ TERUS BANTU USAHAWAN MUDA	10
- KWP SASAR ANAK OKU TERIMA LATIHAN KEMAHIRAN	11
- PPJ PERLU LEBIH PROAKTIF SELESAIKAN MASALAH KOMUNITI	12
- PANDUAN LALUAN BASIKAL REKREASI PELANCONGAN PUTRAJAYA	13
- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2022 KEMBALI	14
- PASUKAN FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA SEMBAH MENGADAP RAJA MUDA PERLIS	17

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,

my
PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)




[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/user/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Taman Warisan Pertanian Diberi Nafas Baharu



Walaupun Putrajaya, dikenali sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan, namun Putrajaya juga turut memiliki taman-taman indah yang begitu mendamaikan.

Diantara destinasi menarik yang boleh diketengahkan adalah Taman Warisan Pertanian yang terletak di Presint 16, Putrajaya. Taman yang berkeluasan 35 ekar ini, mempunyai keunikan pada ciri-ciri senibina Tradisional Melayu.

Taman yang diambil alih semula oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) pada awal tahun 2022 ini telah diberi nafas baharu dan dibuka semula kepada pengunjung dengan pelbagai tarikan menarik pada Februari 2022.

Menurut Naib Presiden Landskap dan Taman, Abdul Aziz Buang, keutamaan di sini adalah konsep tumbuh-tumbuhan komoditi seperti getah, kelapa sawit, lada hitam serta buah-buahan antaranya durian, rambutan, ciku dan sebagainya.

Pengunjung boleh merasai sendiri kemanisan buah-buahan yang terdapat di sini menerusi pakej bersiar-siar sambal diberi penerangan tentang buah-buahan tempatan yang ditanam kerana terdapat kira-kira 180 spesis. Mereka boleh mengikut pakej berpandu yang diketengahkandengan harga yang berpatutan serta boleh memetik buah dan merasai sendiri kemanisannya tapi semuanya bergantung kepada musim.

Kebiasaannya pelancong dari luar negara begitu meminati sesi jelajah ke seluruh

taman ini memandangkan mereka terjadi dengan tanaman serta buah-buahan yang terdapat di Malaysia.

Kedatangan pengunjung akan disambut oleh tiga jenis tumbuhan iaitu sireh, pokok susun kelapa dan pokok limau yang ditanam berhampiran lalu lintang gak Kompleks Pelawat sebagai simbolik kepada kaum Melayu, India dan Cina. Menariknya sebelum memulakan sesi penjelajahan, pengunjung dapat menikmati aneka hidangan serta minuman yang disediakan di sekitar kawasan Penanggah. Konsep tempat makan ini adalah citarasa juadah dari setiap negeri di Malaysia.

Terdapat lebih dari 20 buah gerai makanan yang menyajikan masakan yang enak pada setiap hari bermula seawal jam 8.30 pagi hingga 11 malam serta dizerbanik yang menempatkan cenderamata dan sebagainya.

Tidak lengkap seandainya pengunjung tidak berhenti seketika di pelantar pemandangan yang terdapat di taman ini bagi menikmati pemandangan indah panorama Putrajaya dari atas bukit.

Dari pelantar pemandangan ini, pengunjung akan dapat melihat lokasi tumpuan di Putrajaya seperti Masjid Putra, Dataran Putra, Kompleks Kerajaan Persekutuan serta Taman Putra Perdana sambil berkesempatan merakam foto.

JEJAK MALAM

Aktiviti yang pasti ditunggu-tunggu oleh pengunjung adalah jejak malam dengan kumpulan kecil sekitar 20 orang. Laluan berpandu ini membolehkan pengunjung merasai suasana angin malam yang segar dan nyaman.

Tapak Bazar Ramadan Putrajaya Dibuka Untuk Permohonan



Sempena bulan Ramadan yang bakal disambut umat Islam tidak lama lagi, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mula membuka tawaran penyewaan tapak Bazar Ramadan Putrajaya 2022 kepada mereka yang berminat.

Sebanyak 200 ruang tapak disediakan di Presint 3 dan 10 lot Foodtruck di Dataran Putrajaya Presint 3. Permohonan dibuat melalui laman sesawang <https://forms.gle/gsPobgsSYaP8e9v3A> sebelum 31 Januari 2022.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya, Jeffri Mustapa, antara kriteria permohonan adalah hanya satu permohonan dibenarkan untuk satu keluarga dan tiada sebarang kompaun atau tunggakan sewaan dan cukai dengan PPj.

Selain itu juga, pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typoid kerana ia merupakan vaksin wajib kepada pengendali makanan.

Mengenai tentang prosedur operasi standard (SOP) dalam pasca pandemik ketika ini pula, PPj masih menanti kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa. PPj akan melihat SOP yang dibenarkan dan menyokong penuh setiap garis panduan yang ditetapkan.

Kelainan untuk tahun 2022, Ramadan pada kali ini turut diserikan dengan Festival

Ramadan seperti tahun-tahun sebelumnya (sebelum pandemik COVID-19) yang akan diadakan di dalam khemah di Dataran Putra.

PPj cuba untuk adakan semula festival dengan jualan barang sempena hari raya seperti baju raya, songkok, kuih dan sebaganya. Selain itu juga, laman iftar akan diwujudkan di kawasan kiblat walk yang terletak di antara dua bangunan PPj.

Dikawasan tersebut akan disediakan kerusi dan meja untuk pengunjung menikmati hidangan yang dibeli sama ada di kawasan ini atau bazar Ramadan bersama kaum keluarga mahupun rakan-rakan. Dianggarkan dalam 40 peniaga yang akan berniaga di kawasan ini dengan menu serta minuman yang berbeza.,

Tapak bazar Ramadan tersebut bakal diuruskan oleh kontraktor luar dan dalam masa yang sama dipantau oleh PPj.



Unit Berkuda PPj Simbol Kemegahan Putrajaya

D i pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan Putrajaya, Unit Berkuda Perbadanan Putrajaya (PPj) merupakan salah satu kemegahan bandaraya ini selain dijadikan salah satu elemen pencegahan jenayah.

Memiliki kekuatan anggota seramai 20 orang yang diketuai Inspektor Kanan Nor Azman Abdul Rahman selaku komandan, unit ini ditubuhkan pada 6 Jun 2007 dan secara rasminya beroperasi pada 2008. Bertempat di Kompleks Unit Berkuda Putrajaya, Presint 15, kompleks yang berkeluasan 4.5 hektar ini dilengkapi fasiliti dan kemudahan latihan seperti 70 kandang kuda, paddock, padang ragut dan tempat rawatan kuda selain turut diguna sama Unit Berkuda Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) PDRM.

Menurut Inspektor Kanan Nor Azman Abdul Rahman, fungsi utama unit, selaras dengan imej Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman antaranya rondaan berkuda di tempat tumpuan awam seperti taman dan tasik serta kawalan orang ramai semasa acara rasmi anjuran PPj dan agensi kerajaan.

Untuk rondaan, penggunaan unit berkuda amat penting kerana ia membabitkan kawasan yang tidak dapat dihampiri dengan kenderaan khususnya seperti di taman-taman awam, tasik dan kawasan yang sesak dengan pengunjung dan sebagainya. Jika ketika rondaan tersebut terdapat sebarang kejadian jenayah, anggota sedia bertindak berdasarkan keadaan semasa. Namun dalam masa yang sama, mereka juga akan memberitahu pasukan untuk menghantar bantuan.

Selain daripada rondaan keselamatan, kemunculan Unit Berkuda juga berkait rapat dengan aktiviti pelancongan yang mana kebiasaan pelancong sentiasa tertunggu-tunggu untuk bergambar bersama kuda. Unit berkuda PPj juga turut terlibat dalam acara atau majlis rasmi anjuran PPj dan agensi kerajaan selain daripadanya bertaiacara rasmi seperti perbarisan, kawad dan sukan ekuestrian.

Unit Berkuda PPj juga banyak mencipta nama dalam kejohanan serta pernah mencatat nama di dalam The Malaysia Book Of Records kerana berjaya menganjurkan Putrajaya Horse Show 2019 sekali gus mendapat pengiktirafan sebagai Karnival Ekuin Terbesar di Malaysia. Dalam

aktiviti sukan pula, Kejohanan Show Jumping EAM Digitalisation pada November 2020 menyaksikan pencapaian yang baik bagi kuda dan anggota baru apabila berjaya menduduki tempat keempat, kelapan dan ke-10 serta ke-11 bagi acara dressage.

Terbaru, Unit Berkuda PPj turut menganjurkan pertandingan Ekuestrian Badan Beruniform Perbadanan Putrajaya 2021 pada 20 dan 21 Disember 2021 yang melibatkan penyertaan agensi lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Mengenai penggunaan baka kuda pula, PPj menggunakan kuda dari baka yang terbaik serta sesuai dengan tugas yang ditetapkan. Jika untuk keperluan kerja rondaan, penggunakan kuda dari baka Criollo sementara untuk acara sukan ekuestrian, baka kuda yang lasak dan juga kelihatan cantik semasa acara lompatan seperti baka Warmblood dari Eropah digunakan.

Sehingga kini keseluruhan kuda yang terdapat di bawah Unit Berkuda PPj adalah sebanyak 25 ekor yang mana perolehan pertama kuda sebanyak 15 ekor adalah dari jenis baka Thoroughbred dari Australia pada tahun 2010. Perolehan terkini, sebanyak 6 ekor kuda iaitu dari baka Quarter Horse selain baka Arab pada tahun 2021 yang datang dari dalam negara iaitu dari D'Zahra, Arabian Park, Bachok, Kelantan.

Sehingga kini PPj telah memmilik kuda antaranya dari baka Quarter Horse, Criollo dan Warmblood yang mana kebiasaan harga seekor kuda dalam lingkungan harga RM40,000 hingga RM90,000, dan pabila sampai pada satutahap kuda tersebut tidak dapat digunakan lagi, kuda tersebut akan dilupuskan.



Pertandingan Tiktok, Bendera Meriahkan Putrajaya

Bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada Februari 2022, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan dua pertandingan iaitu TikTok dan kibar bendera yang menawarkan hadiah lumayan kepada warga Putrajaya yang ingin mengambil Bahagian.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, Siti Fadilah Ramli, objektif utama kedua-dua pertandingan tersebut untuk melahirkan rasa cinta warga Putrajaya terhadap wilayah itu.

Dengan adanya penganjuran ini diharapkan agar penduduk lebih merasakan Putrajaya dekat di hati selain memaklumkan tentang sambutan Hari Wilayah yang disambut saban tahun pada bulan Februari.

Mengenai pertandingan TikTok, pertandingan yang bermula dari 15 Januari dan berakhir pada 15 Februari itu mestilah menggunakan tanda pagar #OurCity OurHome. Dalam video yang tidak melebihi 120 saat tersebut, peserta mestilah memastikan video yang dihasilkan berlatarbelakangkan Putrajaya serta menceritakan tentang pusat pentadbiran kerajaan tersebut.

Biar pun TikTok kebiasaannya lebih disukai oleh golongan muda, namun untuk pertandingan ini, tiada had umur yang ditetapkan melainkan mereka mestilah warga Putrajaya. Peserta amat dialu-alukan untuk merebut hadiah bernilai sehingga RM4,000 sementara pendaftaran pula melalui pautan di <https://tinyurl.com/tiktokputrajaya2020>.

Bagi pertandingan kibar bendera pula, terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu diperingkat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya dan persatuan penduduk.

Untuk MPPWP, ia terbahagi kepada enam sub zon yang mana mereka perlu mencalonkan dua tempat untuk dijurikan. Jumlah tempat adalah 12 dan pengajur terpaksa hadkan kepada 20 penyertaan terawal kerana terlalu ramai.

PPj juga telah mengedarkan sebanyak 950 helai bendera kepada MPPWP manakala 60 helai



kepada persatuan penduduk. Mereka akan mendekorasi bendera bermula 15 Januari sehingga 15 Februari manakala sesi penjurian bermula dari 17 Februari sehingga 22 Februari 2022.

Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2022 ialah Keluarga 'Malaysia' dengan matlamat untuk menyemarakkan lagi semangat cintakan Wilayah Persekutuan terhadap warganya di ketiga-tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



PPj Terima Pengiktirafan Kedua Dari MBOR



Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi merangkul pengiktirafan di dalam Malaysia Book of Records (MBOR) selepas berjaya melaksanakan Pemetaan Pencahayaan Terbesar pada Tangga Terbuka yang dipancarkan pada Tangga Putrajaya selama empat hari bermula dari 26 Januari hingga 28 Januari 2022.

Naib Presiden Kanan PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud menyatakan persembahan pemetaan pencahayaan ini memaparkan video yang berkisar mengenai pencapaian serta kemajuan semasa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Di samping itu juga, tidak dilupakan persembahan video Keluarga Malaysia yang memaparkan keharmonian, toleransi dan kesepakatan masyarakat Malaysia sebagai suatu keluarga besar yang harus dibanggakan bersama.

Pemetaan pencahayaan itu diadakan sebagai simbolik Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang diraikan pada 1 Februari setiap tahun. Sebelum ini PPj menempa nama dalam MBOR menerusi Tangga Putrajaya di Taman Putra Perdana Presint 1, yang diiktiraf sebagai Tangga terpanjang di taman awam.

Pengiktirafan terhadap ikonik baharu ini menyerlahkan lagi kedudukan Putrajaya dalam industri pelancongan negara. PPj berkongsi penyampaian satu daripada sijil berkenaan dalam Facebook rasminya. Ia disampaikan Sekretariat MBOR Lee Pooi Leng kepada Naib Presiden Kanan PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Tangga Putrajaya dibuka kepada umum bermula 5 Januari 2022, berketinggian 30 meter dan mempunyai 250 anak tangga.



Sisiran Floria Kembali Meriah



Setelah lama sepi dengan tiada kehadiran pengunjung, Tapak Anjung Floria di Presint 4 Putrajaya, kembali meriah dengan kehadiran orang ramai selepas dibaik pulih Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Ketua Penolong Pengarah Alam Sekitar Tasik dan Wetlands PPj, Wan Sabarudin Wan Ahmad, pembukaan semula Sisiran Floria berwajah baharu bersempena Hari Wilayah dan Tahun Baharu Cina.

Kawasan ini menjadi satu lagi tarikan pelancongan baharu Putrajaya membabitkan lima bahagian iaitu pantai berpasir (sandy beach), bot kawalan jauh, memancing, berkhemah dan kayak.

Lokasi sandy beach masih melalui proses akhir penambahbaikan dan telah dibuka kepada orang ramai bermula pada 15 Februari 2022. Tarikan baharu ini adalah usaha PPj meningkatkan lagi jumlah pengunjung di pusat pentadbiran kerajaan.

Pengunjung hanya dikenakan sedikit bayaran. Sisiran Floria ini menjadi tumpuan

pengunjung sebaikcuti Hari Wilayah dan Tahun Baharu Cina bermula.

Pengunjung tidak melepaskan peluang untuk berkayak, memancing dan bersantai bersama keluarga di tepi tasik. Mereka datang bercuti di kawasan ini bersama keluarga selepas mengetahui Sisiran Floria dibuka melalui laman Facebook PPj.

Pengunjung semuanya gembira dapat menghabiskan cuti bersama ahli keluarga dalam suasana persekitaran yang damai serta menyeronokkan.





Bazar Kebun Komuniti Bandar Diteruskan, Berskala Besar

Program Pertanian Bandar yang telah dilaksana di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan bagi membantu mengurangkan kos sarah hidup penduduk bandar dengan penghasilan bahan makanan sendiri.

Buat julung kalinya juga Bazar Kebun Komuniti Bandar dianjurkan yang bakal diteruskan dengan skala lebih besar seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA). Program yang bakal dimasukkan dalam kalendar aktiviti Hari Wilayah Persekutuan itu juga merupakan platform kepada warganya memasarkan barang innovasi pertanian yang begitu unik.

Buat permulaan, 12 gerai terlibat dengan antara produk masing-masing termasuk sayur-sayuran, ulam-ulaman dan produk hiliran seperti madu kelulut, cincau dan kerepek bayam Brazil. Program seperti ini dapat memperkasakan komuniti bandar, mengoptimumkan tanah atau ruang persekitaran melalui aktiviti berkebun.

Peranan serta khidmat nasihat agensi kerajaan juga menjadi batu loncatan bagi mempergiatkan aktiviti pertanian bandar malah menggalakkan penyertaan lebih ramai warga Wilayah Persekutuan. Sehingga kini kebun komuniti mendapat bantuan dan khidmat nasihat daripada agensi kerajaan seperti dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian

yang memberi kerjasama yang amat menggalakkan bermulanya Program Kebun Komuniti ini pada 2012 lagi.

Diantaranya memberikan khidmat nasihat daripada penjagaan tanaman, cara pembajaan dan yang paling penting penggalakan setiap kebun komuniti di Putrajaya menghasilkan satu kebun satu produk.

Pelaksanaan Projek Kebun Komuniti Bandar berjaya menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengamalkan gaya hidup hijau menerusi aktiviti bercucuk tanam. Secara tidak langsung, inisiatif pertanian bandar bukan sahaja menjadikan kawasan perumahan dalam bandar lebih indah dan kehijauan, malah membantu menjana ekonomi warga wilayah.

Produk Kebun Komuniti seperti madu kelulut, cincau dan sayur-sayuran akan dikomersialkan KWP dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pertanian. Bagi pasaran secara dalam talian pula, KWP akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk mengkomersialkan lagi produk-produk.

Pengusaha Kebun Komuniti perlu jadikannya sebagai satu perniagaan dan bukan sahaja untuk makanan asas sahaja.

PPj Terus Bantu Usahawan Muda



Perbadanan Putrajaya (PPJ) terus komited membantu memajukan ekonomi usahawan muda, khususnya yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah Bahagian Pelesenan PPJ, Jeffri Mustapa, berkata menerusi program Usahawan Muda Kota (UMK), inisiatif di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, usahawan muda menerima kiosk dan bantuan lain untuk menjadi usahawan berjaya. Kebanyakan usahawan UMK ini dipilih oleh PPJ sendiri selepas melihat mereka mempunyai produk sendiri dan berpotensi untuk diketengahkan.

Pada majlis Mini Karnival Usahawan Muda, di Medan Selera Presint 9, PPJ telah menyerahkan 10 kios UMK yang baharu kepada usahawan muda, membabitkan enam kios di Medan Selera Presint 9 dan empat kios di Souq, Presint 1. PPJ menyasarkan untuk menyediakan 161 lot niaga kepada UMK menjelang 2023. Pada masa ini telah ada 105 lot niaga yang ditawarkan kepada UMK dengan pemilihan lokasi ditetapkan PPJ.



PPj Rangkul Anugerah ASEAN Clean Tourist City 2022-2024

Perbadanan Putrajaya (PPJ) muncul sebagai salah satu penerima anugerah ASEAN Tourism Standard Awards peringkat kebangsaan 2022 - 2024 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di DoubleTree by Hilton Hotel, Kuala Lumpur.

Pada majlis tersebut, seramai 29 penggiat industri pelancongan menerima pengiktirafan tersebut kerana berjaya memenuhi standard ASEAN dan layak menerima pengiktirafan daripada kerajaan.

Menurut Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Datuk Seri Nancy Shukri, anugerah ini sebagai satu usaha untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri pelancongan. Piawaian Pelancongan ASEAN yang selaras dengan Pelan Pelancongan Strategik ASEAN 2016-2025 merupakan standard bagi semua negara anggota ASEAN dan penggiat industri pelancongan serantau. Ia digunakan sebagai panduan dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang kepada pelancong dengan matlamat menjadikan ASEAN sebagai destinasi yang cemerlang pada skala global.

MOTAC mengambil inisiatif menganjurkan majlis ini di peringkat kebangsaan sebagai usaha mengiktiraf penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi syarat standard minimum ASEAN



Kementerian Wilayah Persekutuan Sasar Anak OKU Terima Latihan Kemahiran



Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menyasarkan anak-anak dari kalangan orang kelainan upaya (OKU) menerima latihan kemahiran di Pusat Pemulihian Dalam Komuniti (PPDK) bagi memastikan kebaikan mereka sentiasa dibela.

Menyatakan KWP akan memberi perhatian terhadap isu tersebut supaya golongan terbabittidak ketinggalan darisegi latihan, pendidikan, pemulihanserta integrasi sosial berbanding individu normal.

Terdapat sesetengah keluarga yang tidak memahami masalah ini sehingga membiarkan anak-anak OKU dirumah tanpa mendapat latihan di PPDK yang disediakan kerajaan di sesebuah komuniti.

Menteri KWP hadir pada Program Semarak Kasih Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 Bersama Pelajar PPDK dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud.

Pada program anjuran bersama PPj dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tersebut, Datuk Seri Dr Shahidan turut menyampaikan sumbangan peralatan terapi berjumlah RM40,000 kepada empat PPDK. PPj pula menyumbang baukar beli-belah RM100 kepada setiap pelajar, manakala YWP menyumbang baukul makanan kepada setiap pelajar dan petugas.

PPDK Putrajaya Presint 14, PPDK Sinar@9 Putrajaya Presint 9, PPDK Sindrom Down Presint 11 dan PPDK Permata Hati Presint 11 adalah penerima peralatan tersebut dan menempatkan keseluruhan 136 orang pelajar.

Sumbangan merangkumi set anatomi, 'multiactive stones' dan 'Disc 'O' Bocce' untuk kegunaan kelas praterapi, pravokasional dan fisioterapi yang berupaya meningkatkan potensi latihan mereka di PPDK.

PPDK diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan OKU, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihian, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU.



PPj Uji Siren Di Pesisiran Tasik Presint 7



Penduduk yang berada di sekitar kawasan kejiran Presint 7, Putrajaya tidak terkejut dan berasa risau apabila terdengar siren amaran yang telah dibunyikan.

Ini kerana mereka telah megetahui menerusi hantaran dalam akaun sosial rasmi Perbadanan Putrajaya (PPj) mengenai latihan pengujian siren yang dilaksanakan oleh Putrajaya Command Centre (PCC).

Sebelum siren tersebut dibunyikan, pihak PCC telah membuat pengumuman awal melalui pembesar suara di sekitar kawasan bagi memaklumkan tujuan pengujian tersebut. Tempoh latihan tersebut dilaksanakan dalam tempoh waktu yang tidak terlalu lama kerana waktu sistem berkenaan diuji cuma dari pukul 10 pagi hingga 11 pagi dan 4 petang hingga 5 petang.

Lokasi pengujian siren di pesisiran tasik tersebut yang terletak bersebelahan dengan Cyberjaya, Selangor juga agak jauh dari kawasan berpenduduk, namun, masih boleh didengari dengan jelas.

PCC yang dibangunkan PPj sejak 2004, beroperasi 24 jam sebagai salah satu inisiatif pelan kerangka Bandar Pintar Putrajaya yang disusun oleh pihak kerajaan dari 2018 hingga 2025.

PPj Perlu Lebih Proaktif Selesaikan Masalah Komuniti

Perbadanan Putrajaya (PPj) perlu lebih proaktif menyelesaikan permasalahan penduduk walaupun wilayah ini dianggap sebagai amat lengkap dalam aspek prasarana awam.

Banyak isu yang dibangkitkan sewaktu sesi pertemuan dengan penduduk bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, .

Sepatutnya sebarang isu tidak perlu kecoh terlebih dahulu dilaporkan maka baru hendak diambil tindakan kerana kepentingan penduduk perlu diutamakan. Ia susulan tular menerusi media sosial mengenai sisipan pepejal dilonggokkan di rumah sampah Presint 16 serta banyak rumah kosong terbiar sehingga menjadi lokasi pembiakan nyamuk.

Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa beliau akan memantau dan memastikan setiap isu disuarakan rakyat di Wilayah Persekutuan dapat ditanganid dengan segera.

Seandainya perkara sebegini masih lagi dibiarkan berlarutan, pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab perlu tampil mengemukakan jawapan balas kepada kementerian.



Panduan Laluan Basikal Rekreasi Pelancongan Putrajaya

Putrajaya Cycling Route (PCR) merupakan salah satu inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) di bawah Blueprint Cycling Putrajaya dalam menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Sukandan Rekreasi. Penyediaannya meletakkan Putrajaya setanding dengan bandar raya lain yang terkenal di dunia seperti Melbourne, Korea, Amsterdam dan Taipei. Ia diserikan dengan pit stop di Anjung Floria yang merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau pit stop kepada pengunjung.

Dibangunkan oleh PPj, penyediaannya juga turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Belia dan Sukan, Alam Flora Sdn Bhd dan agensi antarabangsa iaitu United Nations Development Programme (UNDP) dan Global Environment Facility (GEF).

PUTRAJAYA satu lokasi paling sinonim di kalangan peminat sukan basikal. Selain untuk kesihatan tubuh, berbasikal di Putrajaya dapat menenangkan fikiran dengan melihat keindahan panoramanya. Namun tahap keselamatan kepada penunggang basikal harus sentiasa dititik beratkan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Menyedari habitat tersebut, PPj tampil memperkenalkan laluan basikal lebih selamat serta lengkap dengan keperluan penunggang. Inisiatif dikenali sebagai Putrajaya Cycling Route (PCR) itu membolehkan para penunggang boleh memilih beberapa laluan melalui sekitar pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Objektif utama PCR adalah untuk menyediakan peta laluan basikal sebagai panduan kepada penunggang dan penggemar sukan berbasikal terutama pelancong di Putrajaya. Ia juga selaras menjadikan Putrajaya sebagai Bikeable City iaitu inisiatif ke arah Putrajaya Green City 2025.

Penunggang basikal boleh merancang dan membuat pilihan berkaitan laluan bersesuaian bagi menjalankan aktiviti berbasikal yang sangat popular Putrajaya.

Penyediaan PCR ini meletakkan Putrajaya setanding bandar raya terkenal lain seperti Melbourne (Australia), Amsterdam (Belanda)

dan Taipei (Taiwan)," katanya ketika ditemu bual Horizon baru-baru ini.

Fasa 1 pembangunan PCR melibatkan lapan laluan merangkumi jarak keseluruhan 180 kilometer dengan Anjung Floria di Presint 4 dijadikan lokasi hentian permulaan dan penamat. Kelapan-lapan laluan berkenaan adalah Persisiran dengan jarak 10.65km, Bougainvillea (14.04km), Patriot 8 laluan basikal untuk keselamatan penunggang (17.21km), Botani (22km), Empangan (30km), Hujan Hujan (22km), Wetland (28.30km) dan Damar (35.80km).

Setiap laluan adalah berbeza mengikut tema, terutamanya dari aspek peringkat umur dan jenis basikal digunakan. Sebagai contoh, laluan Wetland dikhurasukan bagi basikal mendaki sahaja.

PPj turut menyediakan enam hentian di sepanjang PCR dilengkapi kemudahan asas diperlukan penunggang basikal. Antara kemudahan tersebut adalah tempat pemberian dan pam basikal, tandas awam, water dispenser, medan selera, surau, parkir, tandas dan tempat rehat.

Sebanyak 25 check point terbaik bagi penunggang basikal bergambar berlatar belakangkan monumen ikonik di Putrajaya disediakan.

PPj turut membangunkan aplikasi MyPutrajaya Bike bagi membantu penunggang basikal membuat pilihan laluan. Mereka perlu mengimbas kod QR laluan dipilih bagi mendapatkan jarak laluan, tempoh perjalanan, jenis basikal bersesuaian serta senarai hentian dan check point.



Festival Ramadan Putrajaya 2022 Kembali



Perbadanan Putrajaya (PPj) meneruskan lagi penganjuran Festival Ramadan Putrajaya (FRP) 2022 untuk kali ke-9 selaras dengan peralihan negara ke Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April 2022.

Menurut Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh, FRP 2022 bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai lokasi alternatif bagi mendapatkan barang keperluan Ramadan dan Aidilfitri serta mengimarahkan sambutan Ramadan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

PPj menyasarkan 500,000 pengunjung hadir ke festival pada kali ini bertujuan menyokong pemulihian ekonomi di pusat kerajaan dapat berkembang lebih maju.

FRP 2022 bakal bermula pada 31 Mac 2022 sehingga 2 Mei 2022 iaitu tiga hari lebih awal sebelum bermula Ramadan. Festival Ramadan akan berlangsung di kawasan Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan kawasan bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA).

FRP2022 dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar. Bagi komponen Bazar Ramadan terdapat 160 gerai yang menjual juadah berbuka puasa bermula dari jam 3 petang hingga jam 8 malam bertempat di lot berhampiran MTMZA.

Anjung Syawal pula menawarkan lebih daripada 200 peniaga yang menjual barang persiapan raya diuruskan oleh ANS Diversified Sdn Bhd yang disertai oleh beberapa selebriti dan instafamous.

PPj masih lagi mengekalkan kawalan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sediada seperti penganjuran tahun 2021 dengan menempatkan anggota Angkatan Relawan Malaysia (Rela) dan Penguatkuasa PPj di pintu masuk.

Had maksimum pengunjung di bazar Ramadan adalah 1,000 hingga 1,500 orang pada satu-satu masa melalui pas masuk yang disediakan dengan peruntukan masa pembelian antara 15 hingga 30 minit.



PPj Rai Pemenang Pertandingan Sempena SHWP

Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan pemenang pertandingan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat, TPr Norzita Abdul Razak, sebanyak empat buah pertandingan yang melibatkan komuniti dan warga Putrajaya telah mendapat penyertaan yang luar biasa daripada segenap lapisan umur.

Penganjuran pertandingan ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai semangat cintakan Wilayah Persekutuan dalam kalangan komuniti dan warga Putrajaya. Antara pertandingan yang telah dianjurkan seperti Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori A – Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori B – Persatuan Penduduk, Pertandingan Video TikTok bertemakan ‘Putrajaya Our City Our Home’ dan Pertandingan Melukis Doodle@Wilayah 2022.

Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan berjaya menarik enam sub zon MPPWP yang melibatkan 12 kawasan bagi pertandingan Kategori A dan 21 Persatuan Penduduk Putrajaya bagi pertandingan Kategori B. Juara pertandingan bagi Kategori A membawa pulang wang tunai bernilai RM3,000, manakala naib juara pula RM2,500 diikuti tempat ketiga sebanyak RM2,000 selain tempat keempat, kelima dan keenam membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dan RM800 serta saguhati, RM500.

Untuk Juara pertandingan bagi Kategori B pula menerima wang tunai bernilai RM1,300, naib juara RM1,000, tempat ketiga RM800, tempat keempat, RM600, tempat kelima dan keenam RM500 dan RM400 selain 15 pemenang saguhati membawa pulang wang tunai sebanyak RM300. Manakala bagi kategori terbuka (19 tahun ke atas), juara membawa pulang wang tunai bernilai RM400, sementara naib juara RM300 dan tempat ketiga RM200.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah bagi pertandingan Video TikTok bertemakan ‘Putrajaya Our City Our Home’ yang telah diadakan pada 15 Januari sehingga 15 Februari 2022 dengan jumlah penyertaan seramai 21 orang. Para pemenang bagi pertandingan ini membawa pulang sebuah telefon pintar dan pemenang saguhati membawa pulang jam tangan pintar.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan Melukis Doodle@ Wilayah 2022 yang disertai seramai 34 orang kanak-kanak dan remaja berumur tujuh sehingga 17 tahun turut disempurnakan. Pertandingan yang bertemakan Kemakmuran dan Kesejahteraan Warga Wilayah Persekutuan menawarkan wang tunai keseluruhan sebanyak RM1,200 kepada para pemenang.

Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud diiringi Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, En. Rosli Talib.

3 Tarikan Terbaru Putrajaya

Kepada peminat aktiviti riadah dan lasak di kibut yang sering memikirkan destinasi hutan belantara mahupun pesisiran pantai sebagai lokasi untuk menikmati suasana atau pengalaman percutian dekat dengan flora serta fauna, Putrajaya menawarkan beberapa tempat menarik baharu yang boleh dikunjungi.

Ditambah dengan kes Covid-19 masih memuncak, perjalanan pendek dan akses mudah dengan fasiliti kesihatan yang baik menjadikan aktiviti bercuti lebih bermakna.

1. Glamping @ Wetland Putrajaya

Kepada yang merindui atau ingin berjinak-jinak dengan aktiviti perkhemahan tarikan terbaru seperti Glamping@Wetland Putrajaya (GL@W) boleh memberikan pengalaman yang sama. Namun konsep perkhemahan di lokasi berkenaan lebih santai dan menyeronokkan apabila menyediakan kelengkapan khemah termasuk permaidani, kipas atau penyaman udara, 'hammock' dan tilam selesa seperti mana destinasi percutian yang tampil dengan konsep 'glamping' di lain-lain tempat.

Meskipun kedudukan kawasan percutian ini terletak tidak jauh dari pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan kerana ia dibangunkan dalam taman sedia ada iaitu Taman Wetland, penginap atau pengunjung yang berkhemah masih dapat menikmati suasana seperti berada dalam hutan.

Pada sebelah malam pula, kita pasti akan ditemani bunyi unggas, amfibia mahupun serangga. Bagi menambahkan lagi 'mood' berada seperti dalam suasana perkhemahan sebenar, pengunjung boleh menyusuri laluan trek mengelilingi sekitar taman awam berkenaan.

Untuk aktiviti siang pula, pengunjung boleh lebih bergerak aktif apabila menyertai beberapa tarikan di kawasan berhampiran, contohnya Taman Botani dan Pusat Rekreasi Air terletak kurang empat kilometer dari lokasi perkhemahan.

Lokasi sama turut sesuai untuk mereka yang mahu merasai suasana percutian dalam karavan atau rumah motor (motorhome) kerana terdapat tapak sesuai dengan keperluan pengalaman tersebut.

2. Pantai Floria

Pantai buatan sepanjang 100 meter dengan keluasan 600 meter persegi ini sangat sesuai untuk pengunjung yang membawa keluarga bersantai dan berkelah dengan akses mudah serta dekat dengan bandar.

Selain aktiviti berkelah dan mandi-manda, pengunjung juga boleh memancing kerana ada kemudahan atau kawasan sepanjang 150 meter disediakan bagi tujuan itu. Juga tidak ketinggalan aktiviti berkayak dan bermain bot kawalan jauh dengan kadar sewaan berpatutan boleh dilakukan.

Selain pantai, terdapat trek rekreasi berbasikal dan larian berhampiran.

3. Tangga Putrajaya, Taman Putra Perdana

Tangga Putrajaya ini boleh menjadi trek latihan pendakian apabila menawarkan ketinggian kira-kira 30 meter dengan jarak 200 meter. Ia juga mercu tanda terbaru Putrajaya yang turut dinobatkan sebagai Tangga Terpanjang Di Taman Awam oleh Malaysia Book Of Record (MBOR) pada 20 Januari lalu.

Terdapat 250 anak tangga hingga ke kaki monumen mercu tanda berbentuk piramid setinggi 20 meter di puncaknya.

Menawarkan pemandangan yang indah di kawasan sekitar Taman Putra Perdana dari aras tinggi, landskap dan seni bina tangga itu sendiri sedia unik apabila terdapat elemen unik seperti 135 pokok tekoma yang berbunga merah jambu di kiri dan kanan jajaran tangga. Tanaman dijangka menyuntik 'mood' pemandangan musim indah terutama apabila diletakkan di bahagian tengah-tengah tangga terbabit.

Pasukan Floria DiRaja Putrajaya Sembah Mengadap Raja Muda Perlis



Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan terima sembah mengadap hormat daripada Pasukan Floria DiRaja Putrajaya seramai 7 orang yang mewakili Perbadanan Putrajaya di Galeri DiRaja Arau, Perlis. Kunjungan sembah mengadap tersebut diketuai oleh Puan Haslinda Khalid yang merupakan Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan Taman, Jabatan Landskap, Perbadanan Putrajaya.

Turut sama hadir mengiringi Haslinda adalah pegawai-pegawai Jabatan Landskap, Perbadanan Putrajaya, Jamalludin Budin, Noor Shazlin Mohd Sharif, Muhammad Salihuddin Mohd Naser, Mohd Sukri Rusalan, Mariana Abdul Malik, Nurul Ain Mohamad Fazli

Kumpulan tersebut mempersembahkan pokok Orkid 'phalaenopsis' yang merupakan bunga tema program Floria DiRaja Putrajaya 2022 dan turut mempersembahkan koleksi buku-buku yang berkaitan dengan pokok-pokok berbunga yang ditanam di sekitar Putrajaya termasuk dalam penganjuran Floria sebelum ini.

PPj turut mempersembah maklum kepada baginda tentang perancangan penganjuran Floria Diraja Putrajaya 2022 yang akan dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya pada 29 Ogos hingga 4 September 2022 selama 7 tujuh hari bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya. Ini adalah kali ke 12 Festival

Bunga dan Taman DiRaja Putrajaya bertaraf antarabangsa yang dianjurkan untuk memeriahkan lagi suasana Bandar Putrajaya. Acara ini yang juga merupakan salah satu produk pelancongan negara akan dapat menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang ke Putrajaya.

Tema bunga pada tahun ini adalah Bunga Orkid dan tema acara adalah Floria Hebat (Awesome Floria). Pelbagai tarikan utama akan dipamerkan sepanjang festival ini seperti taman-taman pameran, taman-taman khas, penyertaan antarabangsa dan dalam negara, pertandingan orkid dan bonsai, jualan pokok bunga dan produk perkebunan serta program dan aktiviti harian yang menarik.

Sebagai rekod, penganjuran Festival Bunga dan Taman DiRaja Putrajaya pada tahun-tahun sebelum ini merupakan kebanggaan negara Malaysia dan kegemilangan terhadap festival yang bertaraf antarabangsa ini, dan pokok-pokok berbunga yang ditanam di sekitar Putrajaya menghasilkan impak dan suasana berwarna-warni terutama pada musim berbunga antara bulan Mac hingga Mei serta ada juga yang berbunga sepanjang tahun.

Usaha dan hasil kejayaan ini sejajar dengan konsep Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman dan Bandar Berbunga.

